

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 MAC 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 7

### 10 syarikat besar Malaysia kaji labur di IKN Indonesia

Sidang Dewan Rakyat

# 10 syarikat besar Malaysia kaji labur di IKN Indonesia

**Kerjasama bakal jadikan Sabah, Sarawak antara tapak strategik dalam BIMP-EAGA**

**Kuala Lumpur:** Sekurang-kurangnya 10 syarikat besar negara, termasuk Tenaga Nasional Bhd (TNB) dan Telekom Malaysia Bhd (TM) sedang mengkaji untuk melabur dalam pembangunan Ibu Kota Negara (IKN) baharu Indonesia di Kalimantan Timur.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kerjasama itu antaranya membabitkan bidang petrokimia dan oleo kimia, farmaseutikal, pengajian tinggi dan penjagaan kesihatan.

Beliau berkata pembangunan itu juga tidak hanya terikat di sempadan IKN, namun ia akan menjadikan Sabah dan Sarawak sebagai antara tapak strategik dalam Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA).

"Sebelum ini, Presiden Indonesia Jokowi (Joko Widodo) mak-

lumkan antara negara ASEAN, Malaysia agak ke depan dan lebih aktif dalam kerjasama ini.

"Setakat yang kita saksikan, 10 syarikat besar, sembilan daripadanya dari Semenanjung dan satu di Sarawak sudah masuk dan mengkaji serta meneliti bagi melabur agak besar-besaran.

"Kita anggap pendekatan baik di Sarawak, khususnya dengan pelaburan sangat menarik dan meyakinkan malah dalam rundingan kita dengan Indonesia baru-baru ini beberapa syarikat antaranya TNB dan TM terbabit dalam hal ini," katanya pada Waktu Pertemuan Menteri di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Yusuf Abd Wahab (GPS-Tanjong Manis) yang mahu tahu sejauh mana syarikat dari Malaysia terbabit dalam projek ibu kota baharu di Indonesia.

Pada masa sama, Anwar berkata, projek itu akan diketuai Sarawak berikutnya negeri terbabit mempunyai kemudahan gas dan saluran paip ke IKN di mana Indonesia menganggap ia pendekatan paling baik dengan pelaburan menarik dan meyakinkan.

Beliau berkata, pihaknya sudah memberitahu Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Abang Openg kerana faktor kedekatan dengan negeri itu le-

bih mendahului, maka ia akan diselaraskan supaya lebih bermanfaat.

Berhubung menjadikan Sabah dan Sarawak sebagai antara tapak strategik BIMP-EAGA, ia ada dirundingkan bersama dengan Jokowi dan Presiden Filipina, Ferdinand Marcos Jr., baru-baru ini.

"Sangat menarik dalam rundingan kita dengan Presiden Jokowi dan Presiden Filipina baru-baru ini, hal ini ditekankan dan kalau ia ditekankan maknanya mengikut geopolitik dan strategik, maka tempat di Sabah dan Sarawak itu lebih utama," katanya.

#### Peruntukan RM1 bilion

Melalui Belanjawan 2023 sebelum ini, Anwar yang juga Menteri Kewangan mengumumkan peruntukan RM1 bilion bagi pembangunan bandar yang bersempadan dengan Kalimantan, Indonesia.

Perdana Menteri berkata, ia khususnya untuk pembangunan infrastruktur asas iaitu kompleks Kastam, Imigresen, Quarantine dan Keselamatan (CIQS) di sempadan Sarawak dan Sabah, pos kawalan dan kuarters Jabatan Imigresen Malaysia.

Mengenai persediaan dari aspek rakyat kepada rakyat (P2P), Anwar berkata antara perkara

yang perlu diberi perhatian ialah kemungkinan kerjasama antara universiti, belia, badan Islam, kerajaan negeri dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang harus ditingkatkan lagi dengan pembangunan IKN baharu itu.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, Amazon Web Services (AWS) membuat keputusan untuk melabur di Malaysia selepas yakin dengan politik yang stabil dan pimpinan serta dasar yang jelas di bawah Kerajaan Perpaduan.

Beliau berkata rundingan antara AWS dan kerajaan sudah bermula sejak 2019, namun mereka tidak membuat keputusan di bawah dua pentadbiran sebelum ini, dan hanya menghubungi kerajaan di bawah pimpinan sedia ada.

"Ini daripada maklumat Amazon sendiri. Mereka memilih kerajaan yakin dengan politik stabil, pimpinan dan arahan serta dasar ekonomi yang jelas," katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan Sim Tze Tzin (PH-Bayan Baru) mengenai perbezaan pendekatan Kerajaan Perpaduan dengan kerajaan terdahulu untuk menarik dan menggalakkan pelaburan berkualiti ke Malaysia, susulan pelaburan AWS bernilai RM25.5 bilion menjelang 2037 dan Tesla ke Malaysia.